

## MOSTI, KKM Bermesyuarat Putuskan Dasar Untuk Hospital Swasta Beli Vaksin


 15 jam lalu  [Berita Lain](#)

GEORGE TOWN, 1 April – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi akan bermesyuarat dengan Kementerian Kesihatan Malaysia minggu hadapan, bagi memutuskan dasar dan kerangka kerja untuk hospital swasta membeli vaksin terus dari pembekal.

Menterinya Khairy Jamaluddin berkata, kebenaran telah diberi kepada hospital swasta untuk berunding dengan pembekal bagi pembelian vaksin COVID-19, namun perkara itu masih dalam peringkat awal.

Menurutnya, beliau telah menerima surat permohonan daripada Persatuan Hospital Swasta Malaysia dan kebenaran pemberian akan diberikan kepada hospital swasta, untuk berunding pembelian vaksin terus dengan pembekal.

“Saya sebagai perunding pihak Kerajaan bagi pemberian vaksin, saya tahu bahawa pasaran vaksin sekarang ini sangat-sangat terhad, dan kalau mereka (hospital swasta) dapat pun mungkin penghantaran hujung tahun



UMNO O

Like Pag



ini atau tahun depan," katanya kepada pemberita selepas lawatan ke Pusat Pemberian Vaksin di Kompleks Masyarakat Penyayang sini hari ini.

Beliau berkata, kebenaran itu turut diberikan kepada mana-mana Kerajaan negeri yang berminat untuk berunding pembelian vaksin, terus dengan pembekal.

"Percayalah saya, mereka tidak akan mendapat vaksin sehingga hujung tahun ini atau awal tahun depan. Ini kerana semua vaksin yang diluluskan seperti vaksin Pfizer-BioNTech hanya jual kepada kerajaan negara, vaksin AstraZeneca penghantaran kita mula Jun, manakala vaksin Sinovac kita dapat hanya dikilang di Malaysia," katanya.

Beliau turut menasihatkan pihak yang ingin menempah terus dengan pembekal vaksin, supaya tidak menaruh harapan tinggi untuk mendapat vaksin dengan cepat.

Sementara itu, Khairy berkata pihaknya sedang mengkaji dengan pihak KKM dan Jawatankuasa Jaminan Akses Vaksin, untuk memberi kemudahan kepada mereka yang telah terima dua dos vaksin.

"Kita, KKM dan Jawatankuasa jaminan akses vaksin sedang berbincang mungkin untuk masa akan datang, kalau sudah terima 2 dos vaksin, mungkin dibenarkan kemudahan kemudahan tertentu, itu masih sedang kita kaji data klinikalnya," katanya.

Beliau berkata setakat ini, jumlah pendaftaran Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan telah melepasi 7.5 juta bersamaan dengan 30 peratus sasaran negara.



f Facebook

Likes Like Kami

147736

Followers

Follow Kami

Instagram

Followers

Follow Kami

Youtube

Subscribers

Langgan

Telegram

Telegram

Sertai Kami

Linkedin

connections

"Kita sedang melihat peningkatan yang agak stabil dan saya yakin apabila kita mula fasa 2 pada bulan 19 April, kita akan lihat lebih ramai berdaftar," katanya. –

BERNAMA



Ikuti Kami

RSS Subscribe

Langgan

## Berita Berkaitan



**Setuju Cadangan Hospital Swasta Diberi Kebenaran Bekal Dan Beri Vaksin COVID-19 – Dr Masliha**




**Enam Hospital Pengajar Universiti Jadi Pusat Pemberian Vaksin – Noraini**



**Data Peribadi Penerima Vaksin Tidak Dikongsi Dengan Syarikat Pengeluar – Khairy**



**Hospital Swasta Digunakan Sebagai Pusat Vaksinasi – Khairy**



**Malaysia Terima Vaksin Pfizer-BioNTech Seminggu Lebih Awal – Dr Adham**

UMNO  
ONLINE

**Kerajaan Cadang Tambah Pembelian Vaksin**



**TABUNG PERJUANGAN**  
CIMB BANK BERHAD  
**86 - 0325726 - 6**

### Berita Terkini

- Keputusan PAU 2020 Berdasarkan Suara Pelbagai Peringkat, UMNO Ada Maruah Dan Nilai Diri
- UMNO Serious Perkukuhkan Muafakat Nasional, Pertahankan Gagasan Yang Tulen – Ahmad Zahid
- Pasca PAU 2020: Jangan Selar UMNO Atas Jihad Dan Pengorbanannya- Dr Najmil
- Khalid Samad Cermin Diri, PAN Gagal... Hanya Bergantung

Kepada Tun M dan  
Dap – Puad  
◦ Perhimpunan  
Agung UMNO  
Tidak Putuskan  
Pemimpin Dalam  
Kerajaan Letak  
Jawatan – Ismail  
Sabri  
◦ Segerakan  
Pelan Strategik  
Tarik Pelabur,  
Jangan Biar Terus  
Beralih Ke Negara  
Jiran – Dr Asyraf  
◦ Demokrasi  
Tergendala...  
Hendak Belanja  
Apa Tanpa  
Kelulusan  
Parlimen? – Shahril  
Hamdan  
◦ Usah Terburu-  
Buru, Ambil Iktibar  
Peristiwa Lalu –  
Fairuz  
◦ Parlimen Hanya  
220 Anggota Tak  
Bersidang... Macam  
Mana Pemilihan  
UMNO 21,000  
Cawangan Nak  
Dilaksana?  
◦ Ahli Politik Jiwa  
Kental, Tak Mudah  
Koyak – Ahmad  
Zahid

Video Terkini

◦ KHAMIS 1 APRIL  
2021 BERITA  
PUMAS 5@5  
◦ VIDEO LAGU  
MARI MARA RASMI  
2021

- VIDEO LAGU UMNO RASMI 2021
- RABU 31 MAC 2021 BERITA PUMAS 5@5
- Lintas Langsung Perhimpunan Agung UMNO – Berita PUMAS
- Lintas Langsung Perhimpunan Agung UMNO – Berita PUMAS
- Lintas Langsung Perhimpunan Agung UMNO – Berita PUMAS
- Lintas Langsung Perhimpunan Agung UMNO – Berita PUMAS
- Lintas Langsung Suasana Sekitar PAU 2020
- Lintas Langsung Suasana Sekitar PAU 2020

#### Podcast Terkini

- KHAMIS 1 APRIL 2021 – BERITA PUMAS 5@5
- RABU 31 MAC 2021 – BERITA PUMAS 5@5
- ISNIN 29 MAC 2021 – BERITA PUMAS 5@5 EDISI PAU 2020
- LINTAS LANGSUNG PERHIMPUNAN AGUNG UMNO 2020 – BERITA

PUMAS 5@5 –  
AHAD 28 MAC 2021  
◦ LINTAS  
LANGSUNG  
PERHIMPUNAN  
AGUNG UMNO  
2020 – BERITA  
PUMAS 5@5 EDISI  
PAU – AHAD 28  
MAC 2021

TERKINI || KEMASKINI || DIREKTORI & ALAMAT ||  
PENAFIAN & PRIVASI || HUBUNGI KAMI || BN ||

GALERI FOTO ||

Powered by WordPress and Smartline.